

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Malu alasan tak buat ujian kanser payudara, prostat

Pesakit perlu diyakinkan benar anggota badan tertentu disentuh untuk rawatan

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Rembau: Segan dan tidak biasa dengan saringan kanser prostat dan payudara yang memerlukan prosedur sentuhan antara alasan ramai enggan menjalani saringan kesihatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ramai yang tidak mahu melakukan ujian saringan terutama membabitkan kanser prostat dan payudara kerana pemeriksaan memerlukan sentuhan anggota badan tertentu.

"Disebabkan mungkin faktor tidak biasa, budaya dan sebagainya menyebabkan mereka enggan memberikan kebenaran.

"Mungkin perkara ini perlu diberi lebih tumpuan sedikit supaya dapat mengatasi sensitiviti masyarakat, terutama dalam kalangan mereka yang agak berusia. Kita tahu kanser prostat dan payudara antara kanser yang



Khairy menyerahkan insentif kepada penerima Program Outreach Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) di Rembau, semalam.

(Foto Ahmad Hasbi/BH)

agak tinggi di Malaysia.

"Kita boleh fikirkan cara bagaimana untuk yakinkan mereka supaya dapat memberikan kebenaran melaksanakan saringan itu," katanya selepas Program Outreach Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40), di sini, semalam.

Khairy berkata, 5,950,291 rakyat Malaysia layak menerima manfaat di bawah program PeKa B40 dan daripada jumlah itu hanya 620,000 individu sudah di-

saring sejak 2019.

"Di Negeri Sembilan khususnya, sejak mula dilancarkan pada April 2019 hingga 20 Jun lalu, seramai 245,601 orang layak mendapatkan saringan kesihatan percuma di bawah program ini, tetapi hanya 14.6 peratus atau 35,893 orang yang membuat saringan kesihatan," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, ibu bapa tidak perlu terlalu risau atau panik dengan penularan jangkitan penyakit seperti tin-

fluenza (ILI), susulan beberapa kluster dikesan membabitkan pelajar di sekolah berasrama.

Katanya, kluster influenza itu normal bagi penyakit berjangkit yang wujud dari semasa ke semasa dan bermusim.

Beliau berkata, kes penyakit berjangkit akan bertambah dari semasa ke semasa, terutama apabila langkah kesihatan awam seperti penjarakan sosial dan pemakaian pelitup muka mula dilonggarkan.

KKM keluar 335 kompaun kesalahan merokok

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan 335 notis kepada individu serta pemilik premis atas pelbagai kesalahan merokok, membabitkan kompaun berjumlah RM93,350, di sini, malam kelmarin.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit KKM, Datuk Dr Norhayati Rusli, berkata kompaun mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PP-KHT) 2004 berkenaan dikeluarkan menerusi operasi bersepadu penguatkuasaan tembakau dan hasil tembakau ke atas 263 premis yang diperiksa di ibu negara.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, sebanyak 284 notis dikeluarkan bagi kesalahan pelanggaran Peraturan 11(1) PP-KHT, iaitu kesalahan merokok di kawasan larangan, manakala 28 notis bawah Peraturan 12(1)(b) terhadap pemilik atau penghuni premis yang gagal memastikan tiada kegiatan merokok di dalam premis.

"Selain itu, 14 notis kompaun dikeluarkan terhadap tuan premis yang tidak mempamerkan papan tanda larangan merokok; tujuh lagi notis membabitkan larangan merokok terhadap orang belum dewasa dan masing-masing satu notis kegagalan mempamerkan larangan jualan tembakau kepada bawah umur serta jualan tembakau tanpa amaran kesihatan bergambar," katanya, di sini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

10,645 dos vaksin diberikan kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 16,137,205 individu dewasa atau 68.6 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 23,012,251 atau 97.8 peratus daripada populasi sama melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,289,632 atau 99 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, 2,910,021 individu atau 93.5 peratus daripada populasi itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,998,844 atau 96.4 peratus

menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, untuk populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, 1,744,485 individu atau 49.2 peratus kumpulan itu menerima dos pertama vaksin Covid-19 manakala 1,337,102 individu atau 37.7 peratus telah melengkapkan vaksinasi.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 10,645 dos diberikan meliputi 848 dos pertama, 9,113 dos kedua dan 684 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan sebanyak 71,214,563. Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), tiada kematian dilaporkan pada Sabtu.

RM93,350 berasap!

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengeluarkan sebanyak 335 notis kepada individu dan pemilik premis atas pelbagai kesalahan merokok membabitkan kompaun berjumlah RM93,350.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit KKM Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, kompaun mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 itu dikeluarkan menerusi operasi bersepadu penguatkuasaan tembakau dan hasil tembakau ke atas 263 premis yang diperiksa di sekitar ibu negara, malam kelmarin.

Beliau berkata, daripada jumlah berkenaan, 284 notis dikeluarkan bagi kesalahan pelanggaran peraturan 11(1) PPKHT iaitu kesalahan merokok di kawasan larangan dan 28 notis dikeluarkan di bawah Peraturan 12(1)(b) terhadap pemilik atau penghuni premis yang gagal memastikan tiada kegiatan merokok di dalam premis.

"Selain itu, 14 notis kompaun dikeluarkan terhadap

335 notis dikeluarkan atas pelbagai kesalahan babitkan rokok dalam operasi bersepadu di KL



DR Norhayati (kanan) menyertai operasi bersepadu yang berlangsung selama lima jam bermula 6 petang dengan disertai 220 anggota. - Gambar NSTP/GENES GULITAH

tuan premis yang tidak mempamerkan papan tanda larangan merokok manakala tujuh notis lain ialah membabitkan larangan merokok terhadap orang belum dewasa serta masing-masing satu notis

kegagalan mempamerkan larangan jualan tembakau kepada bawah umur dan jualan tembakau tanpa amaran kesihatan bergambar," katanya kepada pemberita di sini.

Operasi bersepadu itu

berlangsung selama kira-kira lima jam bermula 6 petang disertai 220 anggota daripada KKM, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sementara itu, Dr Norhayati berkata, dalam operasi berkenaan, sebanyak 20 karton rokok dan 156 peketerokok tidak bercukai dirampas kastam di bawah Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 manakala KPDNHEP merampas sebanyak 147 peketerokok tiruan bagi kesalahan dagangan palsu di bawah Seksyen 5, Akta Perihal Dagangan 2011.

"Selain itu, DBKL juga turut mengeluarkan dua notis kompaun bagi kesalahan mengambil atau menggajikan pekerja warga asing tanpa permit kerja yang sah dan satu notis kompaun kerana berniaga tanpa lesen," katanya.

DALAM operasi, sebanyak 20 karton rokok dan 156 peketerokok tidak bercukai dirampas kastam.

“263 premis diperiksa di sekitar ibu negara, malam kelmarin”
Dr Norhayati

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Mengelak jalani pemeriksaan kanser prostat, payudara kerana sensitiviti

Ramai enggan beri kebenaran – KJ

Oleh NOR AINNA HAMZAH

REMBAU – Ramai rakyat yang masih enggan memberi kebenaran bagi menjalani pemeriksaan kanser prostat dan payudara walaupun diberikan secara percuma.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mendedahkan kecenderungan berkenaan daripada hasil program Saringan Kesihatan Percuma di bawah Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) yang dilaksanakan sejak 2019.

Menurutnya, pemeriksaan kesihatan bagi kanser berkenaan memerlukan kebenaran daripada individu yang datang dan disebabkan faktor tidak biasa serta sensitiviti, kebanyakan enggan memberikan kebenaran walaupun dilaksanakan secara percuma.

"Perkara ini memerlukan kepada satu usaha penerangan yang lebih lanjut lagi sebab mungkin dari segi faktor budaya dan sebagainya mereka tak biasa, apabila diterangkan saringan itu memerlukan sentuhan pada badan dan tempat-tempat tertentu, mereka enggan memberi kebenaran terutamanya bagi golongan yang berumur.



KHAIRY JAMALUDDIN (duduk, dua dari kanan) semasa hadir pada Program Saringan Kesihatan PeKa B40 di Dewan UITM, Rembau semalam. – MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

"Perkara ini perlu diberikan tumpuan untuk mengatasi sensitiviti. Bahkan, kanser prostat, payudara adalah kanser yang tinggi dikesan di negara ini. Kita

kena cari cara untuk yakinkan mereka," katanya selepas menghadiri Program Saringan Kesihatan PeKa B40, di Dewan UITM, di sini semalam.

Dalam pada itu, jelasnya, hampir 6 juta individu yang layak untuk mendapatkan Saringan Kesihatan Percuma di bawah PeKa B40 dan daripada jumlah

itu, hanya 620,000 individu telah disaring sejak 2019.

Menurutnya, masih terdapat halangan untuk rakyat pergi ke klinik mahupun hospital bagi mengetahui status kesihatan mereka.

"Mereka pergi ke klinik apabila sakit, bukannya untuk tahu status kesihatan. Ini perubahan minda yang sangat besar yang perlu dilakukan di negara kita, sebab itulah sistem kesihatan kita berunsur sistem kesihatan rawatan.

"Sebahagian besar tidak tahu status kesihatan mereka sehingga mereka sakit. Itu masalah sekarang di Malaysia antara sebab yang menyumbang kesesakan di hospital serta tekanan sistem kesihatan awam.

Menurutnya, jika orang ramai boleh melakukan saringan kesihatan secara berkala, kemungkinan mereka dapat mengelak duduk di hospital akibat komplikasi penyakit kronik.

"Manfaat utama saringan kesihatan secara percuma PeKa B40 ini adalah satu langkah yang penting bagi KKM mempromosikan langkah-langkah pencegahan sebelum penyakit berkenaan menjadi lebih teruk," ujarnya.

Kluster ILI terkawal, ibu bapa tidak perlu risau

REMBAU – Golongan ibu bapa dinasihatkan tidak perlu risau mahupun bimbang berikutan terdapat pengesanan beberapa kluster Penyakit Seperti Influenza (ILI) di sekolah berasrama.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kesemua kes berada dalam keadaan terkawal dan hanya memerlukan pemantauan serta pengasingan.

Malah menurutnya, pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan membuat penilaian risiko sekiranya wujud keperluan untuk proses penutupan mana-mana sekolah atau institusi pendidikan.

"Kita serah kepada PKD untuk buat penilaian risiko. Untuk apa sahaja penyakit berjangkit jika sudah sampai ke satu tahap yang dirisaukan, langkah-langkah berkenaan akan diambil. Ibu bapa tak perlu risau. Hanya kes yang memerlukan pemantauan dan pengasingan sahaja.

"Kes bertambah dari masa ke masa terutamanya apabila sudah tiada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apabila kita

telah kurangkan langkah-langkah kesihatan awam seperti penjarakan fizikal," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Saringan Kesihatan PeKa B40 di Dewan UITM di sini semalam.

Terdahulu, satu kluster Penyakit seperti Influenza (ILI) dikesan di sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) di daerah Gombak.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr. Sha'ari Ngadiman berkata, kluster itu mula dikesan di sekolah terbabit pada 19 Jun lalu apabila PKD Gombak menerima notifikasi kes pertama daripada fasiliti kesihatan swasta mengenai kejadian salah seorang pelajar didapati positif Influenza A.

Kemudian, di negeri yang sama, satu kluster ILI baharu membabitkan sekolah menengah berasrama di daerah Petaling turut dikesan.

Kluster itu mula dikesan pada 21 Jun lalu selepas 110 pelajar mengalami gejala demam, batuk, selesema, dan sakit tekak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Kes ILI terkawal, jangkitan biasa

Tiada keperluan tutup sekolah, ibu bapa diminta jangan bimbang

REMBAU

Kes penyakit seperti influenza (ILI) dalam negara pada masa ini adalah terkawal meskipun terdapat beberapa kluster melibatkan sekolah berasrama dikesan, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, orang ramai terutama ibu bapa tidak perlu bimbang berikutan penyakit tersebut adalah jangkitan biasa dan akan timbul dari masa ke masa selain pesakit hanya memerlukan pemantauan dan pengasingan diri sahaja.

"Kes influenza ini akan bertambah dari masa ke masa sebab Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dah tiada, kita mula kurangkan langkah kesihatan awam seperti penjarakan fizikal dan sebagainya, sudah pasti penyakit berjangkit meningkat."

"Itu mungkin selama dua tahun lepas kes penyakit itu menurun sebab kita dikurung di rumah dan ikuti langkah kesihatan awam tertentu, apa-apa



Khairy (dua dari kiri) berkata sesuatu kepada penerima bantuan alat perubatan, Che Teh Muhamad Isa (dua dari kanan) sempena program Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau pada Ahad.

pun ia masih lagi terkawal dan tiada apa yang perlu dibimbangkan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program saringan kesihatan PeKa B40, di sini pada Ahad.

Tambahnya, tiada keperluan menutup sekolah pada masa ini selain Pejabat Kesihatan Daerah akan sentiasa membuat penilaian risiko mengenal kes penyakit berjangkit itu.

Khairy turut menjelaskan sekiranya kes penyakit tersebut sudah berada pada tahap membandingkan setelah

penilaian dibuat, maka langkah-langkah tertentu akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Namun, kes seperti influenza ini kes biasa dan bermusim yang akan datang dan pergi, jadi tidak perlu terlalu risau," ujarnya.

Jumaat lepas, media melaporkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor mengesan peningkatan kes jangkitan ILI di institusi pendidikan, khususnya sekolah berasrama sejak dua minggu lepas. - Bernama

Pakar saran ambil vaksin influenza

SHAH ALAM - Masyarakat disaran mengambil vaksin influenza berikutan penularan *Influenza-Like-Illness* (ILI) di negara ini.

Pakar Kesihatan Awam, Profesor Madya Dr Malina Osman berkata, individu yang berisiko disaran mengambil vaksin tersebut sebagai langkah berjaga-jaga.

Menurutnya, masyarakat juga perlu memastikan untuk mendapat rawatan secepat mungkin jika mengalami sebarang gejala demam dan jangkitan pernafasan.

"Dengan peningkatan kes ILI, individu berisiko perlu berwaspada serta segera mengambil vaksin influenza."

"Di samping itu, langkah keselamatan melalui pematuhan SOP seperti yang disyorkan perlu dilaksanakan oleh setiap orang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Penyakit ILI adalah demam selamanya yang membolehkan seseorang itu demam, selamanya, batuk dan boleh menjadi teruk menyebabkan radang paru-paru (pneumonia) yang disebabkan oleh virus dan tersebar melalui jangkitan pernafasan.

Beberapa kes ILI juga sudah dilaporkan di negara ini dan timbul kebimbangan ia menjadi lebih teruk.

Mengulas lanjut, Dr Malina tidak menolak kemungkinan jangkitan influenza itu akan terus meningkat.

"Keadaan ini dapat ditangani melalui penghasilan vaksin berkaitan untuk mencegah jangkitan meluas dalam masyarakat," jelasnya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Farmasi Universiti Malaya, Profesor Dr Baharudin Ibrahim berkata, langkah pencegahan perlu diambil oleh orang ramai walaupun kes ILI ini dilihat sama seperti jangkitan virus influenza lain.

"Peningkatan kes ILI ini kerana kontak rapat yang menyebabkan ia mudah merembes."

"Semasa Covid-19, virus influenza ini memang tak naik sebab kita tidak terdedah kepada kontak rapat tersebut."

"Namun, kes ILI ini akan terus meningkat dan akan turun semula selepas sistem imun setiap orang sudah mengenal pasti virus tersebut," ujarnya.



DR MALINA



DR BAHARUDIN

Ramai enggan jalani saringan kanser

REMBAU - Faktor segan dan tidak biasa dengan saringan kanser prostat dan payudara yang memerlukan prosedur sentuhan merupakan antara alasan ramai enggan menjalani saringan kesihatan berkenaan, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat kecenderungan dalam kalangan rakyat yang hanya akan menjalani pemeriksaan di klinik selepas dikesan mempunyai penyakit dan mentaliti itu perlu diubah.

"Apabila diterangkan bahawa saringan itu memerlukan sentuhan pada tubuh badan dan tempat tertentu, mereka tak beri kebenaran terutama dalam kalangan individu yang agak berumur, sedangkan kita tahu kanser prostat dan payudara antara

paling tinggi di Malaysia."

"Justeru, kita perlu beri penekanan dan fikir bagaimana untuk meyakinkan pesakit agar bagi kebenaran (saringan) dan mengatasi isu sensitiviti itu selain meningkatkan kesedaran melakukan saringan kesihatan," katanya selepas menghadiri program Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, beliau berkata, secara keseluruhan terdapat hampir enam juta rakyat Malaysia layak menerima manfaat di bawah program PeKa B40 dan daripada jumlah itu, hanya 620,000 individu disaring sejak 2019.

"Sehubungan itu, beliau menyeru kepada individu yang layak agar mengunjungi klinik berdekatan yang berdaftar dengan ProtectHealth bagi menjalani pemeriksaan kesihatan secara percuma."

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : NEGERI

284 individu merokok dikompaun

Notis kesalahan dikeluarkan kerana merokok di premis makanan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAL
KUALA LUMPUR

Sebanyak 284 notis kesalahan membabitkan nilai kompaun RM71,000 dikeluarkan kepada individu yang dikesan merokok di premis makanan dalam operasi bersepadu di sekitar ibu kota pada Sabtu.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia, Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, sebanyak 263 premis makanan dan menjual rokok diperiksa sepanjang operasi bersepadu di sekitar Chow Kit dan Kampung Baru pada jam 6 petang.

Menurutnya, dalam operasi itu, seramai 284 pelanggan menerima notis kesalahan mengikut Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

"Sebanyak 14 notis membabitkan nilai kompaun RM 7,000 dikeluarkan kepada pemilik premis mengikut Peraturan 12(1)(a) PPKHT 2004 kerana tidak memamerkan tanda larangan merokok.

"Kita turut mengeluarkan 28 notis membabitkan nilai kompaun RM14,000 mengikut Peraturan 12(1)(b) PPKHT 2004," katanya pada sidang akhbar



Premis yang menjual rokok di sekitar ibu kota turut diperiksa dalam operasi bersepadu pada Sabtu.

selepas menghadiri operasi bersepadu di sini pada Ahad.

Norhayati berkata, operasi itu dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Secara keseluruhan sebanyak 147 paket rokok dirampas KPDNHEP dengan nilai rampasan RM1,040 di bawah Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 mengenai kesalahan dagangan palsu.

"Jabatan Kastam Diraja Malaysia pula merampas sebanyak 20 karton rokok dan 156 paket rokok mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 kerana menyimpan dan memiliki rokok tidak sah," katanya.

Norhayati berkata, pihaknya sangat komited dalam memastikan isu merokok dalam kalangan rakyat Malaysia diberi perhatian yang serius.

"Peralihan ke fasa endemik merupakan fasa yang penting kerana merokok merupakan salah satu faktor utama yang akan menyebabkan komplikasi yang teruk sekiranya dijangkiti Covid-19," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Influenza-like illness under control, says KJ

REMBAU: Cases of influenza-like-illness (ILI) in the country are currently under control despite several clusters involving boarding schools being detected, said Health Minister Khairy Jamaluddin.

He said that the public, especially parents, need not have to worry as it was a common infection that would emerge from time to time, and that patients often only need to be monitored and isolated.

"Cases of influenza will increase from time to time because the movement control order has been lifted.

"As we are reducing public health measures such as physical distancing and so on, for sure, infectious diseases are increasing.

"Perhaps, for the past two years, the number of cases of the disease has decreased because we were confined at home and followed cer-

tain public health measures, but whatever it is, it is still under control and there is nothing to worry about," he told reporters after attending the PeKa B40 health screening programme here yesterday.

He said as such, there was no need to close schools and that the district health offices would make regular risk assessments based on the number of cases.

Khairy also explained that in the event that the number of cases (of the disease) is at an alarming level after the assessment is made, then certain measures will be implemented as soon as possible.

The Selangor Health Department had detected an increase in cases of infections such as ILI in educational institutions, especially boarding schools, over the past two weeks.

More than 16 million adults have gotten their booster shots

KUALA LUMPUR: A total of 16,137,205 adults or 68.6% of the adult population in the country have received the Covid-19 booster dose as at Saturday.

Based on the CovidNow website, 23,012,251 individuals or 97.8% of that population have completed their vaccination, while 23,289,632 adults or 99% have received at least one dose, Bernama reported.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,910,021 or 93.5% of their population have completed the vaccination, while 2,998,844 or 96.4% have received at least one dose.

As for children aged between five and 11, a total of 1,744,485 individuals or 49.2% of their population have received the first dose of the Covid-19 vaccine, while 1,337,102 children or 37.7% have completed their vaccination.

On Saturday, a total of 10,645 doses of the vaccine were dispensed, involving 848 as first dose, 9,113 as second dose and 684 as booster dose, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 71,214,563.

According to the Health Ministry's GifHub portal, no death due to Covid-19 was reported on Saturday.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Khairy: Cases of influenza-like illness under control

REMBAU: Cases of influenza-like illness (ILI) in the country are under control despite several clusters involving boarding schools have been detected.

Health Minister Khairy Jamaluddin said the public, especially parents, did not have to worry as it was only a common infection that would emerge from time to time. Patients only need monitoring and isolation.

"Cases of influenza will increase from time to time because the movement control order has been lifted. As we are reducing public health measures, such as physical distancing, infectious diseases will be increasing.

"Perhaps, for the past two years, the number of cases of the disease had decreased because we were confined at home and followed certain public health measures," he said after attending a health screening programme here yesterday.

He added there was no need to close schools and the district health offices would always make a risk assessment on cases.

Khairy also said in the event that the number of cases (of the disease) is at an alarming level after the assessment is made, certain measures would be implemented as soon as possible.

On Saturday, the media reported that the Selangor Health Department had detected an increase in cases of infections such as ILI in educational institutions, especially boarding schools over the past two weeks. - Bernama

Shyness among reasons for refusing screening

REMBAU: Being shy and lack of knowledge are among factors for many individuals not to undergo health screening to detect breast and prostate cancer. Breast and prostate cancer cases are among the highest in Malaysia.

Health Minister Khairy Jamaluddin said individuals, especially the elderly, would refuse to be touched at certain parts of the body during health screening for prostate and breast cancer as they feel self-conscious.

"Therefore, we must increase public awareness on the importance of health screenings and help the public overcome their embarrassment," he said after attending the *Skim Peduli Kesihatan* programme for the B40 group here yesterday.

Khairy said almost six million people are qualified to receive the benefit under this programme but only 620,000 have been screened since 2019.

In Negri Sembilan, 245,601 individuals were eligible to receive free health screening under the programme since it was launched in April 2019, but only 35,893 (14.6%) had been screened, he said. - Bernama

More than 16 million adults receive booster shots

KUALA LUMPUR: A total of 16,137,205 adults or 68.6% of their population have received the Covid-19 booster dose as of Saturday.

Based on the CovidNOW website, a total of 23,012,251 individuals or 97.8% have completed their vaccination, while 23,289,632 or 99%

have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,910,021 or 93.5% have completed their vaccination, while 2,998,844 or 96.4% have received at least one vaccine dose.

For children aged between five

and 11, a total of 1,744,485 or 49.2% have received their first vaccine dose, while 1,337,102 or 37.7% have completed their vaccination.

On Saturday, a total of 10,645 doses were dispensed, involving 848 first doses, 9,113 second doses and 684 booster doses, bringing the

cumulative number of doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 71,214,563.

Meanwhile, according to the Health Ministry's Gihub portal, no death due to Covid-19 was reported on Saturday. - Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

335 notices issued over smoking ban

KUALA LUMPUR: A total of 335 compound notices, involving RM93,350, were issued by the Health Ministry to individuals and premises owners for various offences under the smoking ban in an integrated operation during checks at 263 premises in the city on Saturday night.

The ministry's Disease Control Division director Datuk Dr Norhayati Rusli said the compound notices were issued for offences under the Control of Tobacco Products Regulations 2004, with 284 notices issued to individuals for smoking in prohibited areas and 28 issued to premises owners for failing to ensure customers do not smoke on the property.

"Fourteen compound notices were issued to premises owners for failing to display a 'no smoking' sign, seven notices involved minors and two were against premises owners for failing to display a sign banning the sale of cigarettes to minors and for selling cigarette boxes without the pictorial health warning."

The five-hour operation involved 220 personnel from the Health Ministry, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Customs Department and Kuala Lumpur City Hall as well as police.

During the operation, Customs personnel also seized cigarettes that are believed to have been smuggled into the country, while the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized 147 packets of cigarettes under Section 5 of the Trade Description Act 2011.

Kuala Lumpur City Hall enforcement officers also issued notices for offences involving the employment of foreign workers without valid work permits and for operating a business without a licence. - Bernama